

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI
IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

NO. SOALAN : 145

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan perancangan jangka panjang
bagi memperkasakan lagi usahawan *mobilepreneur*
sehingga mereka berjaya memiliki premis
perniagaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2017 seramai 3,500 orang Usahawan Mobileprenur telah diwujudkan oleh KKLW. Jumlah ini merupakan seramai 500 orang peserta pada tahun 2016 dan 3,000 orang peserta pada tahun 2017. Matlamat jangka panjang program ini adalah untuk memastikan perniagaan mereka kekal berdaya saing dan berkembang seterusnya Usahawan Mobilepreneur memiliki premis perniagaan sendiri pada masa hadapan.

Untuk makluman, Program Usahawan Bergerak Mobilepreneur ini dirancang dan dilaksana bagi membolehkan lebih ramai golongan belia memulakan karier perniagaan di luar bandar. Usahawan Mobilepreneur akan di pantau dan dibimbing secara berkala bagi memastikan mereka seterusnya terus kekal menjalankan aktiviti ekonomi setempat dan berkembang selaras dengan usaha membandarkan luar bandar. Kementerian ini meletakkan harapan

tinggi kepada peserta agar mereka mendokong hasrat Kerajaan untuk memajukan diri dan meningkatkan tahap ekonomi masing-masing. Antara inisiatif dalam memperkasakan usahawan mobilepreneur adalah melalui peluasan pemantauan secara 'buddy system' meliputi strategi berikut:

- i. Membantu peserta mewujudkan perkhidmatan bergerak yang berkualiti, mesra, cekap dan cepat melalui pengenalan aplikasi "One Call Centre" bagi memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan serta meningkatkan promosi.

- ii. Menyelaras latihan kepada peserta supaya mereka dapat mengendalikan pengurusan perniagaan yang cekap, mesra dan berkualiti di samping peserta mempunyai ciri-ciri keseragaman dan identiti

- iii. Meningkatkan kerjasama daripada organisasi berpengaruh di luar bandar bagi perkhidmatan Mobilepreneur KKLW
 - Majlis Daerah/ Pejabat Daerah
 - Jawatankuasa Masjid/Surau
 - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

- iv. Memperluaskan perkhidmatan mobilepreneur ke bandar-bandar besar yang mempunyai potensi pasaran yang lebih besar

- v. Membuka peluang mendapat pembiayaan perniagaan luar bandar melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Luar Bandar (SPED) KKLW.